

Perang harga bahan api dijangka bersifat sementara

Kejatuhan mendadak harga minyak dunia ketika ini ekoran perang harga membabitkan pengeluaran utama dunia iaitu Arab Saudi dan Russia dilihat hanya bersifat jangka pendek.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Daaniyall Abd Rahman, berkata Malaysia dilihat sebagai mangsa terhadap isu ini kerana negara hanya *price taker* (penerima harga) dalam pasaran minyak dunia.

Katanya, beliau menjangkakan perang harga ini tidak akan berpanjangan kerana ia akan turut merugikan Arab Saudi jika berterusan.

“Pengeluaran minyak secara berlebihan oleh Arab Saudi tidak bersifat jangka panjang. Mereka juga menghadapi kerugian seperti harga saham yang jatuh, saham Aramco susut sembilan peratus dan keuntungan yang semakin berkurangan.

“Kitaran ini akan kembali normal apabila isu ini reda nanti,” katanya kepada *BH* ketika dihubungi di Kuala Lumpur, semalam.

Muhammad Daaniyall berkata, antara langkah yang boleh diambil kerajaan ialah perlu segera mencari sumber kekayaan baharu sebagai alternatif kepada kebergantungan hasil minyak.

Ini katanya, lebih bersifat jangka panjang dan pada masa sama mampu menjadi perisai ampuh untuk mengekang kesan spekulasi harga minyak pada masa hadapan.

“Penggunaan teknologi hijau boleh diambil kira sebagai sumber kekayaan baharu negara. Kejatuhan harga minyak ini juga perlu dilihat sebagai peluang untuk meningkatkan pengeluaran sektor ekonomi disebabkan kos bahan api yang lebih rendah.

“Walaupun harga barang di pasaran dijangka tidak berubah, tetapi galakan membeli dengan

pemberian insentif seperti diskaun perjalanan yang mampu mengurangkan kos perjalanan rakyat dan pada masa sama menggalakkan permintaan bahan api yang boleh menstabilkan kerugian yang ditanggung syarikat,” katanya.

Dalam pada itu, Pakej Rancangan Ekonomi 2020 yang diperkenalkan kerajaan pada akhir bulan lalu bertujuan menangani kesan COVID-19 dijangka terjejas dengan kejatuhan ketara harga minyak dunia yang mencecah ke paras AS\$32 satu tong.

Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata kejatuhan harga minyak akan memberi impak yang besar kepada negara kerana 30.9 peratus daripada pendapatan negara disumbangkan oleh hasil petroleum.

Selain itu katanya, Belanjawan 2020 dirancang dengan andaian harga minyak sekitar



Pengeluaran minyak secara berlebihan oleh Arab Saudi tidak bersifat jangka panjang.

Dr Muhammad Daaniyall Abd Rahman,
Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM

AS\$62 berbanding harga minyak ketika ini pada paras sekitar AS\$35.

“Ini bermakna negara bakal kehilangan hampir separuh punca pendapatan daripada petroleum. Dengan berkurangnya pendapatan, segala pakej rancangan ekonomi akan terjejas dan sekali gus merencatkan pertumbuhan ekonomi dan keyakinan pelabur,” katanya.

